



26 Ogos 2016
26 August 2016
P.U. (A) 227

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN)
(NO. 2) 2016

FOOD REGULATIONS (AMENDMENT) (NO. 2) 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN) (NO. 2) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) (No. 2) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2016.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Makanan 1985 [*P.U. (A) 437/1985*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2 dengan memasukkan selepas takrif “bungkusan luar” takrif yang berikut:

‘ “*Codex Alimentarius*” ertinya standard makanan antarabangsa yang diterima pakai oleh Suruhanjaya *Codex Alimentarius*;’.

Pindaan peraturan 19

3. Peraturan 19 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (2) dengan—

(i) memotong perkataan “atau” diujung perenggan (a);

(ii) menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) apa-apa aditif makanan yang dibenarkan yang tidak mematuhi—

(i) standard yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan ini;

(ii) *Codex Alimentarius*; atau”; dan

(iii) memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(c) apa-apa aditif makanan selain daripada aditif makanan yang telah diluluskan oleh Pengarah secara bertulis.”; dan

(b) dalam subperaturan (3), dengan memasukkan selepas perkataan “dibenarkan selainnya oleh Peraturan-Peraturan ini” perkataan “, dibenarkan di bawah *Codex Alimentarius* atau yang mendapat kelulusan bertulis terdahulu Pengarah”.

Dibuat 17 Ogos 2016
[KKM-163/S/6; PN(PU2)418/XXII]

DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
Menteri Kesihatan

FOOD ACT 1983
FOOD REGULATIONS (AMENDMENT) (NO. 2) 2016

IN exercise of the powers conferred by section 34 of the Food Act 1983 [*Act 281*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Food Regulations (Amendment) (No. 2) 2016**.

(2) These Regulations come into operation on 1 September 2016.

Amendment of regulation 2

2. The Food Regulations 1985 [*P.U. (A) 437/1985*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 2 by inserting after the definition of “bulk container” the following definition:

‘ “*Codex Alimentarius*” means the international food standards adopted by the *Codex Alimentarius* Commission;’.

Amendment of regulation 19

3. Regulation 19 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (2) by—

(i) deleting the word “or” at the end of paragraph (a);

(ii) substituting for paragraph (b) the following paragraph:

“(b) any permitted food additive which does not comply with—

(i) the standard prescribed in these Regulations;

(ii) the *Codex Alimentarius*; or”; and

(iii) inserting after paragraph (b) the following paragraph:

“(c) any food additive other than food additive which has been approved by the Director in writing.”; and

(b) in subregulation (3), by inserting after the words “otherwise permitted by these Regulations” the words “, permitted under the *Codex Alimentarius* or with prior written approval of the Director”.

Made 17 August 2016
[KKM-163/S/6; PN(PU2)418/XXII]

DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
Minister of Health